

GARIS-PANDU BAGI PEMBERIAN SEMULA BEKALAN ELEKTRIK YANG TELAH DIPOTONG

A. MENGANGGU PERJALANAN METER ELEKTRIK ATAU MEROSAKKAN METER ELEKTRIK

- Pengguna dikehendaki membayar “**Re-Connection Fee**” sebanyak **\$50**;
- Pengguna dikehendaki menyediakan dan memasang meter elektrik baru. Meter lama akan diambil balik oleh JPE sama ada ianya masih berfungsi atau tidak;
- Pengguna akan dituntut balik penggunaan bekalan elektrik bagi jangka masa meter tersebut diganggu atau dirosakkan. Perkiraan akan dibuat secara “**ANGGARAN**” oleh JPE;
- Kejadian tersebut akan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan undang-undang.

B. MELENCONG / MENCURI TENAGA ELEKTRIK / MEMBUAT PENDAWAIAN TAMBAHAN TANPA KEBENARAN JPE (TIDAK MENGANGGU PERJALANAN ATAU MEROSAKKAN METER ELEKTRIK)

- Pengguna dikehendaki membayar “**Re-Connection Fee**” sebanyak **\$50**;
- Semua perlelcangan atau tambahan yang tiada kebenaran JPE hendaklah dilepaskan;
- Pengguna dikehendaki melantik pemborong **EO1** (bagi rumah persendirian) atau **M&E Qualified Person** yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan** (bagi bangunan yang lain) untuk membuat pemeriksaan dan pengujian terhadap pendawaian rumah / bangunan tersebut. Keputusan ujian yang disahkan oleh pemborong **EO1** atau **QP** diserahkan ke **JPE** untuk pengesahan. Keputusan ujian perlulah **LULUS**;
- Pengguna akan dituntut balik penggunaan bekalan elektrik bagi jangka masa meter tersebut diganggu atau dirosakkan. Perkiraan akan dibuat secara “**ANGGARAN**” oleh JPE;
- Kejadian tersebut akan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan undang-undang.

C. MELENCONG / MENCURI TENAGA ELEKTRIK / MEMBUAT PENDAWAIAN TAMBAHAN TANPA KEBENARAN JPE (TERMASUK MENGGANGU PERJALANAN ATAU MEROSAKKAN METER ELEKTRIK)

- Pengguna dikehendaki membayar “**Re-Connection Fee**” sebanyak **\$50**;
- Semua perlelcangan atau tambahan yang tiada kebenaran JPE hendaklah dilepaskan;
- Pengguna dikehendaki melantik pemborong **EO1** (bagi rumah persendirian) atau **M&E Qualified Person** yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan** (bagi bangunan yang lain) untuk membuat pemeriksaan dan pengujian terhadap pendawaian rumah / bangunan tersebut. Keputusan ujian yang disahkan oleh pemborong **EO1** atau **QP** diserahkan ke **JPE** untuk pengesahan. Keputusan ujian perlulah **LULUS**;
- Pengguna dikehendaki menyediakan dan memasang meter elektrik baru. Meter lama akan diambil balik oleh JPE sama ada ianya masih berfungsi atau tidak;
- Pengguna akan dituntut balik penggunaan bekalan elektrik bagi jangka masa meter tersebut diganggu atau dirosakkan. Perkiraan akan dibuat secara “**ANGGARAN**” oleh JPE;
- Kejadian tersebut akan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan undang-undang.

Diluluskan oleh:

Awang Musa bin Haji Metali

Pemangku Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Tarikh: 19hb Februari 2013 M bersamaan dengan 8hb Rabiulakhir 1434 H